

# Laporan Persidangan/*Report on Conferences*

## Simposium Kritikan Sastera

30 September – 1 Oktober 1983·Universiti Kebangsaan Malaysia

oleh  
Azizah Mohammad Noor\*

Satu simposium kritikan sastera yang bertemakan "Kritikan: Situasi Mutakhir dan Arah Masa Depan" telah dianjurkan oleh Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Simposium tersebut dirasmikan oleh Prof. Madya Yusof Noor, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar U.K.M. dan dipengerusikan oleh Prof. Madya Siti Hawa Haji Saleh, Ketua Jabatan Persuratan Melayu.

Simposium yang berlangsung selama dua hari itu telah dihadiri oleh 100 orang peserta yang terdiri daripada para sarjana jemputan dan kritikawan terpenting serta wakil daripada pelbagai institusi akademik pendidikan dan dokumentasi. Perpustakaan Universiti Malaya telah diwakili oleh dua orang pegawai perpustakaan, iaitu, Cik B. Krishnan dan Puan Azizah Mohammad Noor.

Jabatan Persuratan Melayu mengadakan simposium ini bertujuan untuk meneliti situasi dan masalah kritikan dewasa ini dan cuba mencari penyelesaian kepada kebuntuan yang ada sekarang, untuk menentukan suatu arah yang memantapkan perkembangan kritikan sastera tanahair dan menilai serta meneliti hubungan kritikawan dan karyawan untuk mewujudkan persefahaman yang lebih bererti.

Kritikan sastera merupakan cabang ilmu yang diperlukan untuk memberi tafsiran dan penilaian kepada sesebuah karya yang mana daripada hasil penilaian dan tafsiran ini penulis-penulis sastera dapat memperbaiki kesilapan dan kelemahan-kelemahan mereka dan seterusnya dapat mempertinggikan mutu kesusteraan tanahair. Prof. Madya Yusof berkata bahawa kritikan sastera harus dilaksanakan dengan penuh bijaksana tanpa memburukkannya dengan persoalan peribadi. Dengan cara demikian keadaan kritikan kesusteraan di tanahair tidak akan

dicambahi dengan pemikiran-pemikiran yang tidak rasional dan penuh perasaan yang tidak menguntungkan sama sekali. Beliau menyeru agar penulis kreatif dan kritikawan sentiasa bersikap terbuka dan mereka harus bersikap jujur dalam tugas masing-masing.

Sebanyak lima buah kertaskerja telah dibentangkan oleh beberapa orang sasterawan tanahair seperti Sdr. Kassim Ahmad, Sdr. Baharuddin Zainal, Prof. Madya Hashim Awang, Prof. Madya Dr. Ali Ahmad, Prof. Mohammad Haji Salleh dan beberapa orang penulis lain.

Tajuk-tajuk kertaskerja yang dibentangkan adalah seperti berikut:-

1. Situasi kritikan mutakhir Malaysia, oleh Baharuddin Zainal.
2. Sikap kritikawan terhadap kritikan, oleh Kassim Ahmad.
3. Disiplin-disiplin kritikan dan beberapa kemungkinan, oleh Hashim Awang.
4. Penerimaan penulis dan pembaca, oleh Ali Ahmad.
5. Suatu saranan bentuk kritikan, oleh Kaktangan Jabatan Persuratan Melayu — Mohammad Haji Salleh, Shalan Mohd. Saman, Shafie Abu Bakar dan Ramli Isin.

Kertaskerja simposium ini disimpan di Bahagian Koleksi Kebangsaan. [No. panggilan fPL5131 SKS]

\* Pegawai Perpustakaan, Bahagian Sirkulasi